

20 SEP 2002

REAKSI-PERBANKAN/I

BELANJAWAN 2003 TIDAK BERI TEKANAN KEPADA KADAR FAEDAH

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Persatuan Syarikat Kewangan Malaysia tidak menjangka Belanjawan 2003 akan memberi sebarang tekanan kepada kadar faedah memandangkan wujudnya lebih mudah tunai dalam ekonomi pada masa ini.

Ia juga tidak menjangka Belanjawan tersebut akan menimbulkan kesan pengaliran keluar besar-besaran atau penarikan balik pelaburan swasta, kata pengerusi persatuan itu, Datuk Tay Ah Lek.

Mengulas tentang Belanjawan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, Tay berkata bahawa walaupun ia merupakan belanjawan defisit, namun ia tetap berhemat.

Pelaksanaan belanjawan defisit sebanyak 3.9 peratus keluaran negara kasar (KNK) akan menjana kegiatan ekonomi dan mengekalkan kestabilan makroekonomi, katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan berikutan pembentangan belanjawan tersebut.

"Defisit tidak perlu dibimbangkan kerana ia disebabkan oleh belanjawan pembangunan. Tambahan pula, defisit begini dianggap produktif kerana ia mempertingkatkan keupayaan produktif ekonomi," tegasnya.

Tay berkata, akaun semasa kerajaan dijangka terus mengalami lebihan yang besar sebanyak kira-kira RM18 bilion, dan ini adalah lebih tinggi daripada lebihan tahun ini.

Katanya, nisbah hutang kerajaan berbanding KNK dijangka kekal rendah dan terkawal.

Tay juga berkata, pembiayaan defisit tersebut tidak menjadi masalah memandangkan kedudukan kewangan kerajaan yang kukuh.

"Tambahan pula, kadar penabungan negara adalah tinggi dan mudah tunai berada dalam jumlah yang besar. Sumber pembiayaan bagi defisit melalui pinjaman domestik bersifat bukan-inflasi," katanya.

Bagi presiden dan ketua pegawai eksekutif Malayan Banking Bhd (Maybank), Datuk Amirsham A. Aziz, strategi Belanjawan 2003 untuk memindahkan jentera pertumbuhan kepada sektor swasta adalah pendirian dasar yang tepat, khususnya setelah mengamalkan dasar fiskal mengembang sejak beberapa tahun lamanya.

Malah, cadangan untuk menurunkan kadar cukai korporat bagi industri kecil dan sederhana (IKS) akan menggalakkan lagi pembangunan perniagaan tempatan dan merangsang pelaburan domestik, katanya.

Dr Mahathir telah mencadangkan kadar cukai korporat IKS yang modal berbayarnya berjumlah RM2.5 juta dikurangkan kepada 20 peratus ke atas pendapatan yang dikenakan cukai sehingga RM100,000 daripada 28 peratus sekarang.

Amirsham berkata, Maybank sendiri akan menyediakan sumber-sumber yang mencukupi untuk memastikan kejayaan pemindahan strategik itu.

Sementara itu, pengerusi Persatuan Bank-Bank Malaysia, Dr Rozali Mohamed Ali berkata bahawa galakan-galakan yang diberikan dalam Belanjawan 2003 khususnya bagi IKS dan sektor-sektor ekonomi terpilih akan mewujudkan lebih banyak projek berdaya maju untuk dibiayai oleh bank-bank secara agresif.

Katanya, permintaan bagi pinjaman dalam sektor perbankan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini agak rendah walaupun kadar faedah semasa adalah yang paling rendah dalam sejarah.

Ini adalah disebabkan oleh ketidak pastian dalam ekonomi dunia dan pemulihan ekonomi yang dilihat begitu rapuh ketika itu, katanya.

Rozali berkata, persatuan itu juga memuji langkah untuk membenarkan perbelanjaan ditanggung bagi penerbitan Sekuriti Hutang Swasta Cara Islam (IPDS) ditolak daripada cukai pendapatan bagi tempoh selama lima tahun.

Katanya, langkah ini merupakan landasan yang betul bagi membangunkan Malaysia sebagai salah sebuah pusat bagi pembiayaan cara Islam.

Ketika membentangkan Belanjawan hari ini, Dr Mahathir berkata bahawa galakan-galakan yang dicadangkan adalah bertujuan mengalakkan IPDS berasaskan prinsip "mudharabah", "musyarakah" dan "ijarah", oleh yang demikian sekuriti-sekuriti demikian menjadi pilihan pelabur-pelabur dari Timur Tengah.

Sementara itu, Southern Finance Bhd, tetap yakin tentang prospek industri automotif kerana Belanjawan 2003 mengandungi strategi untuk merangsang keyakinan pengguna.

Ketua pegawai eksekutifnya, Abdul Rahim Mohd Zin, berkata bahawa faktor-faktor seperti bonus kakitangan awam, kenaikan pendapatan per kapita sebanyak lima peratus kepada RM14,000 serta pertumbuhan KDNK akan membantu merangsang keyakinan pelabur.

Dr Mahathir membawa berita gembira kepada hampir satu juta kakitangan awam di negara ini apabila beliau mengumumkan bahawa mereka akan menerima bonus satu bulan atau minimum RM1,200 kerana usaha keras dan dedikasi mereka.

Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia akan tumbuh pada kadar yang memberangsangkan iaitu sebanyak 6.0 hingga 6.5 peratus tahun depan.

Abdul Rahim berkata, walaupun cukai import tidak berubah, namun industri kereta akan terus berkembang kerana faktor-faktor ini akan mencetuskan keinginan untuk menikmati gaya hidup yang lebih baik.

Dengan demikian, jumlah pembelian kereta nasional dan bukan nasional akan melonjak walaupun negara ini sedang bersiap sedia bagi kemunculan AFTA pada tahun 2005, katanya.

Kata Abdul Rahim, Southern Finance akan terus menyokong industri automotif dengan program-program strategik dan inovatif bagi pasaran. --

BERNAMA

LES SD KY OS